KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# STATISTIK HARI INI
## oleh DOSM pada 12:00 tengah hari

10 JULAI 2025 | #139 | SDDS

# TENAGA BURUH MALAYSIA, MEI 2025

Bilangan penganggur bulan Mei terus menurun kepada 522.4 ribu orang, merekodkan kadar pengangguran **3.0 peratus**

## PENGANGGURAN

### MEI 2025

**Bilangan penganggur**

**522.4** ribu (▼5.7%, ▼0.7%)

| MEIʳ 2024 | APR 2025 |
|---|---|
| 554.1 ribu | 525.9 ribu |

**Kadar pengangguran**

**3.0%** (▼0.3mp, ↔0.0mp)

Kadar pengangguran bulan Mei kekal pada 3.0 peratus seperti yang direkodkan bulan lalu

| MEIʳ 2024 | APR 2025 |
|---|---|
| 3.3% | 3.0% |

### Pengangguran mengikut kategori




● Penganggur aktif ● Penganggur tidak aktif

**MEI 2025 : 416.4 ribu** (▼5.5%, ▼0.5%)
APR 2025 : 418.6 ribu
MEIʳ 2024 : 440.5 ribu

**MEI 2025 : 106.0 ribu** (▼6.7%, ▼1.2%)
APR 2025 : 107.2 ribu
MEIʳ 2024 : 113.6 ribu

## PENDUDUK BEKERJA

### MEI 2025

**Bilangan penduduk bekerja**

**16.86** juta (▲2.9%, ▲0.3%)

| MEIʳ 2024 | APR 2025 |
|---|---|
| 16.39 juta | 16.82 juta |

**Nisbah guna tenaga kepada penduduk**

**68.7%** (▲0.4mp, ▲0.1mp)

| MEIʳ 2024 | APR 2025 |
|---|---|
| 68.3% | 68.6% |

### Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan

| Taraf pekerjaan | % | Perubahan |
|---|---|---|
| Pekerja | 75.1% | ▲2.8%, ▲0.2% |
| Bekerja sendiri | 18.8% | ▲3.3%, ▲0.5% |
| Majikan | 3.3% | ▲1.4%, ▲1.0% |
| Pekerja keluarga tanpa gaji | 2.8% | ▲3.4%, ▼0.1% |

**75.1 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja adalah dalam **kategori pekerja**

## TENAGA BURUH

**Tenaga Buruh**

**17.38** juta (▲2.6%, ▲0.2%)

MEI 2025

| MEIʳ 2024 | APR 2025 |
|---|---|
| 16.95 juta | 17.34 juta |

**Kadar Penyertaan Tenaga Buruh**

**70.8%** (▲0.2mp, ↔0.0mp)

| MEIʳ 2024 | APR 2025 |
|---|---|
| 70.6% | 70.8% |

**70.8%**

Kadar penyertaan tenaga buruh pada bulan tersebut tidak berubah iaitu pada 70.8 peratus seperti bulan sebelumnya

### KPTB mengikut jantina

Lelaki **83.3%**

Wanita **56.4%**

## LUAR TENAGA BURUH

APR 2025: 7.17 juta
MEI 2025: **7.18 juta** (▲1.8%, ▲0.1%)
MEIʳ 2024: 7.05 juta

Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komponen utama di luar tenaga buruh

Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga **43.7%**

Bersekolah/ latihan **41.0%**

Nota :
- % Peratus perubahan (tahun ke tahun)
- % Peratus perubahan (bulan ke bulan)
- mp Mata peratus
- ↔ Tidak berubah
- r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

## Penganggur dan kadar pengangguran, Meiʳ 2024 dan April - Mei 2025




@StatsMalaysia

ASEAN MALAYSIA 2025 INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY
MALAYSIA MADANI kesejahteraan
ODIN OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD 2024-2025
20 October
2016 - 2030

Nota
1. ʳ Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
2. Bermula dengan penerbitan Laporan Statistik Tenaga Buruh (STB), Januari 2025, statistik utama tenaga buruh dianggarkan berdasarkan anggaran penduduk semasa Malaysia.

# Bilangan penganggur terus menurun pada Mei 2025, merekodkan 522.4 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.0 peratus

- Bilangan **tenaga buruh** terus berada dalam trend menaik pada Mei 2025, dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak **0.2 peratus**, mencatatkan **17.38 juta orang** (April 2025: 17.34 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh** kekal tidak berubah iaitu pada **70.8 peratus**, sama seperti bulan yang lalu.

- Bilangan **penganggur** terus menurun sebanyak **0.7 peratus** kepada **522.4 ribu orang** berbanding 525.9 ribu penganggur pada bulan sebelumnya.

- **Kadar pengangguran** pada bulan tersebut kekal **3.0 peratus** seperti pada April 2025.

- Bilangan **penduduk bekerja** terus bertambah pada Mei 2025, naik sebanyak **0.3 peratus** kepada **16.86 juta orang** berbanding 16.82 juta orang yang direkodkan pada April 2025.

- Melihat kepada prestasi guna tenaga mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor **Perkhidmatan** menunjukkan trend peningkatan yang konsisten, terutamanya dalam aktiviti **Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman**; **Perdagangan borong dan runcit**; dan aktiviti **Pengangkutan & penyimpanan**. Pada masa yang sama, sektor **Pembuatan**, **Pembinaan**, **Pertanian**, dan **Perlombongan & pengkuarian** turut merekodkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada bulan tersebut.

- Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** meningkat sebanyak **0.1 peratus** kepada **7.18 juta orang** pada Mei 2025 berbanding 7.17 juta orang pada April 2025.